

(<https://news.usm.my>)

Berita Mutakhir

▼

19 USM BAKAL LAHIR MAHASISWA MINDA GLOBAL

MAY

12274630 948832151845199 9212766233958873122 n

USM, PULAU PINANG, 17 Mei 2016 – Universiti Sains Malaysia (USM) terus komited dalam usaha memperkasa bakat pelajar untuk melahirkan graduan yang cemerlang dalam akademik dan yang diterima di peringkat antarabangsa.

Salah seorang pelajar yang berjaya dalam program 'APEX Scholar', Nurjannah Yasuni, 22, berkata beliau sangat gembira dan bangga kerana menjadi sebahagian dalam program tersebut.

"Saya tidak menyangka akan terpilih dalam program ini kerana saya sedia maklum persaingan yang sangat hebat dalam kalangan semua calon yang hadir dalam temu duga baru-baru ini," jelas Nurjannah.

Beliau berharap agar program ini dapat diteruskan kelak untuk melahirkan pelajar yang bukan sahaja cemerlang dalam bidang akademik tetapi juga mampu melahirkan pemimpin yang berfikiran global.

"Saya amat berharap program 'APEX Scholar' ini dapat membina jati diri dalam diri pelajar agar dapat melahirkan mahasiswa yang berpotensi untuk membangunkan negara dan berminda global," jelas Nurjannah yang juga pelajar Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan.

Majlis penyampaian watikah akan disampaikan oleh Naib Canselor, Profesor Dato' Dr. Omar Osman pada 27 Mei di Kompleks Cahaya Siswa (KOMCA). Dalam pada itu, semua calon juga akan menjalani kem di Yan, Kedah pada 27 hingga 29 Mei ini.

Program 'APEX Scholar' ialah hasil kolaborasi Bahagian Hal-Ehwal Pembangunan Pelajar dan Alumni (HEPA) bersama Pusat Kecemerlangan Akademik & Penasihat dan Pembangunan Pelajar (CDAE) USM.

Teks: Aishah Hanis Azmi (Pelajar Internship USM)



Share This

Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : pro@usm.my (<mailto:pro@usm.my>)

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia](http://www.usm.my) (<http://www.usm.my>)

[Client Feedback / Comments](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) (<http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp>) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015